

# **PERKEMBANGAN PENERBITAN JURNAL SEJARAH MALAYSIA DI MALAYSIA**

---

**Sivachandralingam Sundara Raja  
Noraini Mohamed Hassan**

Artikel ini akan memperinci asal-usul kemunculan jurnal yang bertemakan Sejarah Malaysia, rasional di sebalik penerbitan jurnal, penulis yang menyumbang dalam jurnal, permulaan penulisan makalah dalam bahasa Melayu dalam jurnal-jurnal yang sebelumnya hanya menerbitkan penulisan dalam bahasa Inggeris dan centrisiti dalam penulisan Sejarah Malaysia. Artikel ini hanya menumpukan kepada jurnal-jurnal yang diterbitkan di institusi pengajian tinggi tempatan dan oleh institusi luar yang *established*. Jurnal yang dikaji mempunyai sirkulasi yang luas dan dirujuk oleh sarjana tempatan dan luar negeri dalam penulisan mereka.

## **Sejarah Penerbitan Jurnal di Malaysia**

Sejak merdeka hingga kini telah muncul begitu banyak jurnal sejarah dan ada di antaranya yang telah ditamatkan terbitan. Namun begitu jurnal-jurnal tersebut telah memuatkan artikel yang sangat relevan

bagi kajian Sejarah Malaysia. Kebanyakan artikel dalam jurnal-jurnal ini ditulis oleh para penyelidik yang terkenal dalam bidang masing-masing dan kebanyakannya tidak dapat dikesan. Jurnal Sejarah yang bermula di Universiti Malaya ialah *The Malayan Historical Journal*, *Journal of the Historical Society*, *Jurnal Sejarah* dan *Sejarah*. Sementara Universiti Kebangsaan Malaysia pula menerbitkan makalah sejarah mereka dalam *Jebat* dan Universiti Sains Malaysia dalam *Kajian Malaysia*. Terdapat juga jurnal yang diterbitkan oleh Persatuan Guru-Guru Malaysia, iaitu *Peninjau Sejarah* dan *Malaysia in History* dan *Malaysia dari Segi Sejarah* yang penerbitannya diuruskan oleh Persatuan Sejarah Malaysia. Sementara *Purba* yang muncul pada 1982 diterbitkan oleh Muzium Negara.

Tidak ramai yang mengetahui tentang sejarah penerbitan jurnal dan individu di belakang tabir yang bertanggungjawab dalam penerbitan jurnal tersebut. Adalah sukar untuk menghidupkan sesebuah jurnal untuk satu jangkamasa yang lama. Kebiasaannya satu-satu jurnal ilmiah hanya bertahan beberapa tahun dan kemudian sunyi untuk seketika dan kemudian muncul semula dengan wajah dan semangat baru. Jarang sekali sesebuah jurnal dapat bertahan lebih dari sepuluh tahun. Dalam hal ini jurnal-jurnal seperti *Malaysia dari segi Sejarah* dan *Purba*, dapat bertahan dan terus menerbitkan makalah yang bermutu.

Sesungguhnya kewujudan jurnal-jurnal ini selain dari memberi peluang kepada ahli akademik dan pencinta sejarah menerbitkan penemuan mereka, ia juga adalah saluran untuk ahli akademik meningkatkan kerjaya akademik mereka. Bilangan artikel yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal yang diwasiatkan akan membuka peluang kepada kenaikan pangkat dan peluang kerjaya baru.

Menjejak evolusi penerbitan jurnal ilmiah yang berfokuskan sejarah tanah air memberikan maklumat yang sangat berharga tentang sejarah penerbitan makalah ilmiah di institusi pengajian tinggi awam tempatan dan institusi-institusi seperti Persatuan Sejarah Malaysia dan Persatuan Muzium Malaysia dalam mengayakan khazanah penulisan sejarah negara.

### **Journal of the Historical Society, University of Malaya**

Jurnal ini diterbitkan setiap tahun oleh Persatuan Sejarah Universiti Malaya yang berpusat di Kuala Lumpur. Jilid pertama diterbitkan pada 1960 dan penerbitan jurnal ini berlangsung hingga jilid 8 (1969/70). Selepasnya jurnal ini dikenal dengan nama *Jurnal Sejarah* selaras dengan penggunaan bahasa Malaysia di universiti pada tahun-tahun

1970-an. Editor pertama jurnal ini ialah R. Bonney dan barisan editornya terdiri dari tokoh-tokoh akademik ternama seperti Kernial Singh Sandhu, Krishen Jit Amar Singh dan Chandran Jeshurun.<sup>1</sup>

Jurnal ini diedit dan dihasilkan oleh pelajar. Dalam prakata pertama jurnal, John Bastin, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial ketika itu telah mengalukan kehadiran jurnal ini dan beliau berharap penerbitan jurnal seperti ini akan merangsang minat dalam sejarah bukan sahaja di universiti tetapi juga di sekolah di seluruh negara.<sup>2</sup>

Artikel yang diterbitkan dalam jurnal ini meliputi tema sejarah Malaysia dan dunia (Amerika, Eropah, Afrika, China dan India). Artikel dalam Bahasa Malaysia diterbitkan buat pertama kali dalam jilid 6, 1967/68 yang ditulis oleh Mohd Nor Long. Artikel beliau berjudul "Gerakan Kebangsaan Sebelum Perang Dunia II". Penerbitan ini adalah selari dengan dasar kerajaan yang menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan negara pada 1 September 1967.<sup>3</sup>

Sebanyak sepuluh edisi jurnal diterbitkan sejak mula-mula jurnal ini diterbitkan sehingga 1969/70. Lebih dari 100 makalah diterbitkan dan sebahagian daripada penyumbangnya adalah pelajar tahun akhir Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan tenaga pengajar Jabatan. Artikel berkaitan dengan sejarah adalah sebanyak 35, Asia Tenggara 25 dan Asia Timur 15.

## Jurnal Sejarah

*Jurnal Sejarah* adalah jurnal yang menggantikan *Journal of the Historical Society*, University Malaya yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Universiti Malaya. Jilid pertama diterbitkan pada 1970/71. Perubahan nama ini adalah selari dengan pengajaran kursus-kursus di universiti dalam bahasa Malaysia. Perkembangan ini menyebabkan jurnal ini mula menerbitkan makalah dalam bahasa Melayu.

Menurut pengarang jurnal, tahun-tahun 1960-an adalah tahun pesimis dalam Sejarah Malaysia kerana negara telah melalui konfrontasi dengan Indonesia dan Peristiwa Tragedi 13 Mei 1969. Tahun 1970-an pula menandakan permulaan bab baru yang penuh harapan dalam Sejarah Malaysia. Negara menyaksikan perlantikan Yang Dipertuan Agung baru, Perdana Menteri baru dan pelancaran Rukunegara. Selari dengan perubahan ini nama jurnal juga diubah supaya ia mencerminkan semangat kebangsaan negara.<sup>4</sup> Jurnal yang menggunakan nama dalam bahasa Melayu muncul pada 1970/71 (Jilid 9) dan kekal hingga jilid 15 (1977/78).

Perubahan nama jurnal juga menyebabkan terdapat perubahan dari segi tumpuan konten/kandungan. Tahun-tahun 1970-an menyaksikan usaha-usaha untuk mengkaji semula sejarah Malaysia dari kacamata tempatan. Sejak tahun tersebut jurnal ini menerbitkan makalah dalam bahasa Malaysia. Persatuan Sejarah Universiti Malaya masih wujud hingga ke hari ini tetapi tidak seaktif seperti di tahun-tahun 60 dan 70-an.

Jurnal ini telah menerima sumbangan artikel dari ramai golongan cerdik pandai dan ada di kalangan mereka yang telah muncul sebagai ahli akademik, tokoh politik dan ahli korporat yang disegani dan terkemuka di dalam dan luar negara. Antara mereka ialah Prof. Emeritus Dato' Khoo Kay Kim, Dato' G. Palanivel (Timbalan Menteri Wanita), Zainon Ahmad dan Prof. K.S. Nathan (ISIS Singapura).

## **Sejarah**

*Sejarah* adalah Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya. Sebelum ini Jabatan Sejarah telah menerbitkan banyak jurnal dan antaranya ialah *The Journal of the Historical Society* pada 1961/62, seterusnya digantikan dengan *Jurnal Sejarah* pada 1970/71. Di samping dua jurnal ini, Jabatan juga menerbitkan *Jurnal Hubungan Anatarabangsa* pada 1972/74 – 1975/76 bagi memuatkan penulisan mengenai perkembangan disiplin politik dan antarabangsa sebagai satu bahagian dalam sukanan pelajaran Jabatan. Jabatan Sejarah tidak menghasilkan sebarang jurnal ilmiah selepas *Jurnal Sejarah* menamatkan penerbitannya pada 1977/78. Asosiasi Jabatan dengan Persatuan Sejarah Universiti Malaya dihidupkan kembali pada 1984/85 apabila Persatuan Sejarah menerbitkan *Monograf Sejarah No. 1 1984/85*.<sup>5</sup> Selepasnya tiada penerbitan yang memuatkan kajian-kajian sejarah sehinggalah kemunculan *Sejarah* pada 1988. Penerbitan *Sejarah* sebenarnya adalah pererususan tradisi penulisan dan penerbitan jurnal yang diwarisi oleh Jabatan Sejarah sejak tahun 1960-an.<sup>6</sup>

Tujuan penerbitan kesemua jurnal ini sebelum *Sejarah* adalah untuk memberi peluang kepada tenaga akademik dan pelajar menulis penemuan-penemuan baru tentang sejarah Malaysia dalam jurnal ini dan menjadikanya sebagai *platform* untuk membincang dan membahaskan isu sejarah Malaysia dan dunia. *Sejarah* juga tidak terkecuali dari matlamat ini. Ia bertujuan untuk memberi ruang kepada pelajar dan pensyarah menerbitkan penulisan mereka.<sup>7</sup> Sesungguhnya kemunculan *Sejarah* telah meneruskan tradisi zaman silam.

Jurnal *Sejarah* diharap dapat mencerminkan perubahan dan perkembangan yang berlaku semenjak Jabatan tidak menerbitkan

sebarang jurnal antara 1972-1987 dalam rancangan pengajaran dan penyelidikan. Pengarang pertama jurnal ini ialah Prof. J. Kathirithamby Wells dan sidang pengarangnya terdiri daripada Abdullah Zakaria Ghazali, Adnan Haji Nawang, Amarjit Kaur, Mohammad Abu Baker dan Mohd Hear Awang.<sup>8</sup>

Jurnal *Sejarah* yang bermula pada 1988 telah berkembang dan kekal hingga hari ini. Ia menerima hasil penulisan berkaitan dengan Sejarah Malaysia, Asia, Asia Tenggara, dan Dunia. Penulisnya tidak hanya terbatas dari dalam negara tetapi juga dari luar negara.

Jurnal ini diterbitkan setahun sekali dan memuatkan artikel dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris.

## Jebat

*Jebat* adalah jurnal terbitan Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Jilid pertama jurnal ini muncul pada 1970/71 dan pengarang pertama jurnal ialah Prof. Zainal Abidin Abdul Wahid dan penasihatnya terdiri daripada Dr. Chandran Jeshurun, Dr. Teuku Ibrahim Alfian, Khoo Kay Kim dan J.P. Ongkili. Mengikut Prof. Zainal Abidin Wahid, Chandran adalah penasihat persatuan yang bekerja keras untuk melahirkan *Jebat*.<sup>9</sup>

Jurnal ini dinamakan *Jebat* kerana kepahlawanan Jebat tidak asing di kalangan orang Melayu dan menurut Prof. Zainal, "... tidak ramai yang mengetahui Jebat sebenarnya seorang yang boleh berfikir, mengkaji, mencerakin, menilai, membuat keputusan dan bertindak".<sup>10</sup> Menurut Prof. Zainal lagi, "Apabila Hang Tuah dihukum bunuh, JEBAT berfikir tentang kepincangan keadilan, beliau mengkaji kegiatan Hang Tuah, mencherakin segala perkhidmatannya dan menilai khidmat Hang Tuah dengan balasan yang diterimanya; JEBAT membuat keputusan bahawa berbuat baik biarlah berpadapada dan mengambil keputusan untuk bertindak membela Hang Tuah".<sup>11</sup>

Jurnal *Jebat* diterbitkan untuk mengetengahkan hasil penyelidikan pelajar dan tenaga akademik mengenai Sejarah Malaysia dan menafsirnya menerusi kaca mata sejarawan Malaysia.<sup>12</sup>

*Jebat* yang mula muncul pada 1972/73 telah diterbitkan sehingga 1995. Mulai 1995 hingga 1998 jurnal ini tidak diterbitkan dan ia muncul semula pada 1999 dan berterusan hingga kini. Ia diterbitkan sekali setahun dan penyumbang artikel dalam jurnal terdiri dari tenaga akademik dari institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri, pencinta sejarah, pelajar sejarah dan orang ramai yang berminat dengan sejarah.

Walaupun pada peringkat awal tajuk-tajuk artikel diterbitkan berkisar kepada sejarah Malaysia tetapi menjelang lewat 70-an dan awal 80 dan 90-an ia telah diperluaskan meliputi seluruh dunia.

### Kajian Malaysia

*Kajian Malaysia* atau *Journal of Malaysian Studies* adalah jurnal penerbitan Universiti Sains Malaysia. Jilid 1, No. 1 jurnal ini diterbitkan pada Jun 1983. Pengarang pertama jurnal ini ialah Prof. Lim Teck Ghee dan sidang pengarangnya terdiri daripada ahli akademik terkenal seperti Cheah Boon Kheng, Zakaria Ali, Zawawi Ibrahim dan Muhammad Ekmal Said.<sup>13</sup>

Jurnal ini bertujuan untuk memajukan perkembangan pengetahuan berilmiah mengenai Malaysia dengan menggalakkan perbincangan pelbagai disiplin sains sosial dan kemanusiaan. Jurnal ini menerbitkan makalah, nota dan ulasan buku yang meliputi kajian Malaysia yang berbentuk penulisan biasa dan teoritis.<sup>14</sup>

Penerbitan jurnal ini adalah dalam dwibahasa, bahasa Malaysia dan Inggeris. Jurnal ini yang bermula pada 1983 kekal hingga hari ini dan ramai sejarawan Universiti Sains Malaysia yang telah menyumbang makalah mereka dalam jurnal ini.

### Peninjau Sejarah

*Peninjau Sejarah* adalah jurnal terbitan Persatuan Guru-Guru Sejarah Tanah Melayu (HITAM) atau singkatannya History Teachers Association of Malaya dengan kerjasama Jabatan Sejarah Universiti Malaya.<sup>15</sup> Jilid pertama diterbitkan pada Jun 1966. Mengikut pengarang pertama jurnal ini, Prof. Zainal Abidin Abdul Wahid, tujuan penerbitan jurnal ini adalah “supaya jurnal ini akan menjadi saloran yang akan membolehkan peminat-peminat sejarah Tanah Melayu mencatatkan pendapat, menulis makalah dan membincangkan soal-soal berkenaan sejarah. Ini termasuk kaedah mengajar dan mempelajari sejarah”.<sup>16</sup>

Penubuhan Persatuan Guru-Guru Sejarah adalah lanjutan daripada seruan yang dibuat oleh Jabatan Sejarah Universiti Malaya dalam satu seminar pengajaran sejarah bagi guru-guru sejarah pada tahun 1964. Ia membawa kepada penubuhan persatuan ini pada tahun yang sama.

Pada tahap awal, jurnal ini diterbitkan dua kali setahun dan adalah dipersetujui setiap terbitan akan mengandungi artikel-artikel yang original, nota ringkas, dokumen baru sejarah, ulasan buku, surat-menyurat untuk menyatakan pandangan, ulasan, mendedahkan

kesilapan yang terdapat dalam buku teks sekolah dan dalam penerbitan jurnal. Di samping itu untuk memuatkan maklumat profesi yang meliputi ahli Persatuan, perancangan, penyelidikan dan rancangan pengajaran Jabatan Sejarah.<sup>17</sup>

Artikel yang diterbitkan dalam jurnal ini adalah dalam bahasa Malaysia dan Inggeris. Jurnal ini hanya bertahan selama tiga tahun (1966-1968). Terbitan terakhir adalah Jilid 3 No. 2, 1968. Penamatannya disebabkan ia tidak mendapat sokongan dari guru-guru di seluruh negara. Kebanyakan penyumbang artikel dalam jurnal ini adalah ahli-ahli akademik Jabatan Sejarah walaupun matlamat asalnya adalah untuk memberi ruang kepada guru-guru sekolah untuk menulis dan mendebatkan isu-isu sejarah semasa dan lampau.

### Tanah Melayu Dari Segi Sejarah

*Tanah Melayu dari Segi Sejarah* adalah jurnal yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah bagi Tanah Melayu dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Persatuan Sejarah bagi Tanah Melayu ditubuhkan pada bulan April 1953 di Dewan Bandar Kuala Lumpur. Jeneral Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British ketika itu telah merasmikan penubuhan persatuan ini.<sup>18</sup> Sewaktu perasmian jurnal ini, Gerald Templer dalam ucapannya telah menyentuh tentang kepentingan sejarah dalam pembangunan negara. Menurut beliau,

*... a nation which does not look back with pride upon its past, can never look forward with confidence towards its future. ... In this country a new nation is springing into being. A nation must have a common background, and must acknowledge it with a common pride. The interest and enthusiasm which the formation of this Society has evoked shows that the need is already widely felt. This is not a Society for the Government, for the educated, or for any class or section of the population; it is for everybody, and everybody has something to contribute to it. And I appeal to men and women all over the Federation, whoever they may be, to come forward and lend a hand in its work, and so help to build that sense of nationhood which we so badly need.<sup>19</sup>*

Persatuan ini hanya berjaya menerbitkan tiga jilid kesemuanya sepanjang kewujudan jurnal antara 1962 hingga 1964 (Jilid No. 1, Februari 1961; No. 2, Oktober 1962 dan No. 3, Ogos 1964). Setiausaha Persatuan yang pertama ialah En. Paul Chang, Jemaah Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan Tanah Melayu.<sup>20</sup>

Tujuan penubuhan Persatuan adalah untuk menarik minat orang ramai terhadap sejarah tanah air, kebudayaan dan adat resam negara.

Di samping itu juga untuk menggalakkan orang ramai memelihara benda-benda berguna kepada sejarah dan kebudayaan tanah air; mencatatkan sejarah Tanah Melayu termasuk kisah zaman lampau negara, bahasa, adat resam penduduk dan menerbitkan majalah dan penerbitan-penerbitan lain berkaitan dengan sejarah.<sup>21</sup>

Penyumbang jurnal dalam tiga keluaran tersebut terdiri daripada sejarawan, pentadbir dan orang perseorangan yang berminat dengan sejarah.

### Malaya History/Malaysian History

Jilid pertama jurnal atas nama *Malaya in History* muncul pada Februari 1959 (Jilid 5 No. 1) dan ia adalah majalah terbitan Persatuan Sejarah Malaysia. Jurnal dengan nama ini kekal sehingga April 1964 (Jilid 10, No. 1). Mulai Februari 1967 (Jilid 10, No. 2) ia dikenali dengan nama *Malaysia in History* dan ia kekal sehingga 1985 (Jilid 28). Antara 1959 hingga 1978, jurnal ini diterbitkan dua kali setahun. Keadaan berubah apabila mulai 1979 hanya satu jilid diterbitkan setiap tahun.

MIH yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia diterbitkan buat pertama kali pada 1964 dan kekal hingga 1972. Tiada penerbitan antara 1973-78 sehinggalah muncul penerbitan khusus dalam Bahasa Malaysia yang dikenali sebagai *Malaysia dari Segi Sejarah* (MDSS).<sup>22</sup>

Penyumbang dalam jurnal ini terdiri daripada golongan cerdik pandai, ahli sejarah, ahli akademik dan orang perseorangan yang berminat dengan ilmu sejarah.

### Malaysia Dari Segi Sejarah

*Malaysia dari Segi Sejarah* (MDSS) diterbitkan pertama kali pada April 1979 (No. 8, April 1979). MDSS dan *Malaysia in History* adalah saudara kembar tetapi MIH lebih tua dari MDSS.<sup>23</sup>

MIH dan MDSS mempunyai peranannya yang tersendiri. MIH berperanan dalam menyebarkan maklumat tentang sejarah Malaysia di dalam dan luar negeri. Sementara MDSS pula penting bagi penduduk Malaysia yang sudah menguasai Bahasa Malaysia yang baik. Tindakan menterjemahkan artikel dari satu bahasa ke bahasa yang lain didapati melambatkan penerbitan hasil sejarah. Terjemahannya dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Sejarah Malaysia. Ini menyebabkan pada 1979, sempena 25 tahun kewujudan Persatuan Sejarah Malaysia, MDSS diterbitkan sebagai majalah yang mempunyai identiti yang tersendiri.<sup>24</sup>

Sasaran penerbitan MDSS juga adalah guru-guru sekolah dengan harapan mereka akan mengemaskinikan pengetahuan sejarah mereka bila berhadapan dengan pelajar sekolah dan tidak hanya bergantung kepada buku teks sekolah.<sup>25</sup>

Penerbitan jurnal ini yang bermula pada April 1979 berterusan hingga kini. Jurnal ini bersifat dwibahasa, Inggeris dan Melayu. Namun begitu sebahagian besar dari artikelnya adalah dalam Bahasa Malaysia.

### Purba

*Purba* ialah jurnal terbitan Persatuan Muzium Malaysia. Jurnal pertama diterbitkan pada 1982 dan ia berterusan hingga kini. Jurnal ini diterbitkan sekali setahun dan mendapat sambutan yang baik dari kalangan ahli akademik dan pencinta sejarah.

Tujuan penubuhan jurnal ini adalah untuk menyebarkan pengetahuan dan meningkatkan kefahaman penduduk Malaysia tentang sejarah, budaya dan sastera tanah air. Jurnal ini memberi ruang untuk menerbitkan makalah dari pelbagai disiplin – antropologi, sejarah, sosiologi, politik, etnografi dan bidang-bidang lain. Sebelumnya terdapat kecenderungan untuk mengadakan pemisahan dalam penulisan. Menurut pengarang pertama jurnal ini, Prof. Emeritus Dato' Khoo Kay Kim, "... pemisahan seperti ini menyebabkan pensejarahan Malaysia hanya menggambarkan kebudayaan dan kemasyarakatan".<sup>26</sup>

*Purba* jilid pertama dan selepasnya dan hingga kini banyak memuatkan sumbangan dari sarjana yang terlibat dalam pelbagai jurusan/bidang. Harapan pengarang dalam penerbitan jurnal pertama ini adalah supaya *Purba* dapat membantu dalam memperkayakan pengetahuan umum tentang bidang budaya dan kemasyarakatan Malaysia di samping membantu meletakkan asas-asas yang kuat bagi perkembangan tradisi intelek.<sup>27</sup>

Walaupun jurnal ini dwibahasa tetapi sebahagian besar (90%) daripada makalah yang diterbitkan adalah dalam Bahasa Malaysia. Pengarang pertama jurnal ini ialah Prof. Emeritus Dato' Khoo Kay Kim dan sidang pengarangnya terdiri daripada Abdullah Zakaria Ghazali, Mohammad Abu Bakar dan Norazit Selat. Antara tokoh-tokoh terkenal yang telah menyumbang dalam jurnal ini ialah Prof. Emeritus Dato' Khoo Kay Kim, Abdullah Zakaria Ghazali, Mohammad Abu Bakar, Dr. Rabindra Daniel dan Aruna Gopinath.

Jurnal ini masih wujud hingga hari ini dan penyumbang-penyumbangnya terdiri dari ahli akademik kanan dan muda dari institusi pengajian tinggi awam negara dan orang perseorangan yang

berminat dengan sejarah tanah air. Sesungguhnya *Purba* telah membantu dalam memperkayakan penulisan sejarah Malaysia.

## Rumusan

Amat jelas institusi-institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia telah memainkan peranan dalam mengayakan penulisan Sejarah Malaysia. Penerbitan jurnal-jurnal seperti *Malayan Historical Journal*, *Jurnal Sejarah* dan *Sejarah* di Universiti Malaya telah membolehkan sarjana tempatan dan luar memuatkan penulisan dan penemuan baru dalam jurnal-jurnal ini sejak 1960-an hingga kini. Hal yang sama dapat diperhatikan di Universiti Kebangsaan Malaysia melalui *Jebat* yang lahir pada 1970-an dan *Kajian Malaysia* yang terbit di Universiti Sains Malaysia mulai 80-an.

Institusi-institusi luar juga telah menyumbang dalam menambahkan lagi penerbitan Sejarah Malaysia. Dalam hal ini Persatuan Sejarah Malaysia melalui jurnal *Malaysia in History* dan *Malaysia dari segi Sejarah* telah memberikan sumbangan yang amat besar sebelum merdeka hingga kini. Para penulis yang menyumbang dalam jurnal ini sejak 1950-an hingga kini terdiri dari pelbagai golongan dan temanya juga pelbagai. Muzium Negara yang muncul dengan jurnal *Purba* mulai 1982 selain dari hanya memokuskan penerbitan dalam bidang arkeologi juga telah meluaskan skopnya dengan memberi ruang kepada penerbitan pelbagai tema sejarah Malaysia. Tidak keterlaluan untuk dikatakan institusi pengajian tinggi tempatan dan institusi luar melalui penerbitan mereka telah sama-sama menambahkan khazanah penerbitan sejarah Malaysia.

**Nota**

- <sup>1</sup> *Journal of the Historical Society University of Malaya in Kuala Lumpur*, Vol. 1, No. 1, 1960, hlm. 1.
- <sup>2</sup> Ibid.
- <sup>3</sup> *Journal of the Historical Society University of Malaya in Kuala Lumpur*, Vol. VI, 1967/68, hlm. 13.
- <sup>4</sup> *Jurnal Sejarah Universiti Malaya*, Kuala Lumpur, Jilid IX, 1970/71, hlm. v.
- <sup>5</sup> *Monograf Sejarah*, No. 1, 1984/85, Persatuan Sejarah Universiti Malaya dengan Kerjasama Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd., 1985.
- <sup>6</sup> Pendahuluan Kata Pengarang/Editor dalam *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, No. 1/1988.
- <sup>7</sup> Ibid.
- <sup>8</sup> Ibid.
- <sup>9</sup> *Jebat, Jurnal Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia*, 1971/72, hlm. iii.
- <sup>10</sup> Ibid., hlm. iv.
- <sup>11</sup> Ibid.
- <sup>12</sup> Ibid., hlm. v (Kata Redaksi).
- <sup>13</sup> *Kajian Malaysia*, Jilid 1, No. 1, Jun 1983.
- <sup>14</sup> Ibid.
- <sup>15</sup> *Peninjau Sejarah*, Vol. 1, No. 1, Julai, 1966, hlm. i.
- <sup>16</sup> Ibid. Dari Meja Pengarang, Zainal Abidin A. Wahid.
- <sup>17</sup> Ibid., hlm. i.
- <sup>18</sup> *Tanah Melayu dari segi Sejarah*, No. 1, Februari 1961. Majalah diterbitkan oleh Persatuan Sejarah bagi Tanah Melayu dengan Kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 40.
- <sup>19</sup> "His Excellency the High Commissioner's Address to the Inaugural Meeting of the Malayan Historical Society on Thursday, 30th April, 1953, *The Malayan Historical Journal*, Vol. 1, No. 1, May 1954, hlm. 3-4.
- <sup>20</sup> *Tanah Melayu dari segi Sejarah*, No. 1, Februari 1961. Majalah diterbitkan oleh Persatuan Sejarah bagi Tanah Melayu dengan Kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>21</sup> Ibid., hlm. 40.
- <sup>22</sup> Rencana Pengarang, *Malaysia dari Segi Sejarah*, No. 8, April 1979.
- <sup>23</sup> Ibid. Untuk lebih lanjut, rujuk juga "Sejarah Ringkas Persatuan Sejarah Malaysia" dalam *Kemajuan dan Pembangunan di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1978, hlm. 10-11.
- <sup>24</sup> Ibid.
- <sup>25</sup> Ibid.
- <sup>26</sup> Rencana Pengarang Purba, *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Bilangan 1, 1982, hlm. ix.
- <sup>27</sup> Ibid., hlm. x.